

## Seminar beriga kepentingan Bahasa Arab



Dr Haji Norarfan semasa menghadiri Seminar Antarabangsa bagi Mahrajan Bahasa Arab sempena memperingati Hari Bahasa Arab Sedunia, kelmarin.



Para pembentang mengongsikan pandangan mereka semasa seminar tersebut.

Oleh Salawati Haji Yahya

**BANDAR SERI BEGAWAN, 19 DIS**

- Lebih 100 orang telah menghadiri Seminar Antarabangsa bagi Mahrajan Bahasa Arab sempena memperingati Hari Bahasa Arab Sedunia yang berlangsung di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), hari ini.

Para peserta terdiri daripada tenaga akademik serta mahasiswa dan mahasiswi dari UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), ilmuan alumni Al-Azhar dan ahli-ahli Persatuan Bahasa Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal yang juga Naib Ra'és Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam.

Pemangku Dekan Fakulti Bahasa Arab, Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, seminar diadakan sebagai salah satu aktiviti sempena sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yang diraikan setiap 18 Disember.

"Pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Bahasa Arab sebagai salah satu daripada enam bahasa rasmi dunia yang diguna pakai oleh PBB dan tema seminar ialah 'Sumbangan Bahasa Arab ke arah Ketamadunan dan Kebudayaan Manusia'," ujarnya.

Antara lain objektif seminar adalah untuk memberigakan kepentingan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun kepada masyarakat.

Di samping itu, ia menjadi platform untuk tenaga akademik dan pelajar bertukar-tukar idea dan berkongsi pengalaman dalam bidang masing-masing.

Ini juga secara tidak langsung membina jaringan kerjasama dengan institusi luar negara dalam sama-sama memperkasa penggunaan Bahasa Arab.

Seminar menampilkan empat orang pembentang yang terdiri daripada Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik) UNISSA, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Naib Ra'és II WAAG Brunei Darussalam dan Pemangku Ra'és KUPU SB, Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha.

Manakala itu, dua lagi pembentangan dibuat secara maya oleh Profesor dalam Kesusasteraan Arab dan Kritikan, Universiti Alwasi, Dubai, Profesor Dr Khaled Kamal Mohamed El Taher, dan Profesor Madya Dr Nurkhamimi Zainuddin dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Keempat-empat pembentang telah mengongsikan pandangan mereka mengikut kesesuaian tema seminar.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Fakulti Bahasa Arab, UNISSA dengan kerjasama KUPU SB, WAAG Brunei Darussalam dan Persatuan Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam.